

Tiada alasan syarikat swasta untung tinggi beri gaji rendah

Putrajaya: Kenaikan gajo penjawat awam adalah mesej jelas kepada sektor swasta untuk bersama ke arah berkenaan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri, berkata, kini tiada lagi alasan kepada syarikat swasta yang menerima keuntungan tinggi, namun memberikan gaji rendah kepada pekerjaanya

“Saya berharap sektor swasta akan meneliti semula supaya tekanan kepada rakyat dan golongan pekerja itu dapat dikurangkan dengan ada skim kenaikan gaji yang lebih munasabah.

“Terutama syarikat mencatatkan keuntungan besar. Dengan itu tiada sebab mengapa gaji kurang daripada RM2,000,” katanya selepas menyampaikan Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MA-PPA) Ke-19 di Dewan Plenari Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini, semalam.

Terdahulu Perdana Menteri mengumumkan pelarasan gaji penjawat awam 15 peratus kepada kumpulan pelaksana, manakala tujuh peratus kepada pengurusan tertinggi.

Katanya, pelarasan itu akan dilaksanakan secara bertahap dengan fasa pertama bermula 1 Disember ini.

“Fasa seterusnya akan bermula 1 Januari 2026 dan kita melaksanakannya secara berfasa kerana kekangan dan mahu mengelakkan inflasi,” katanya.

Dalam pada itu, Anwar berkata pihaknya kini dalam usaha untuk reformasi perkhidmatan awam, sekali gus menaikkan gaji mereka yang bergred rendah menjadi RM2,000.

“Kita iktiraf khidmat mereka, tetapi prestasi harus dibaiki melalui Reformasi Penjawat Awam,” katanya.